



***PEMBENTUKAN KATA SLANGA DALAM
KORPUS MEDIA SOSIAL***

NOOR HUSNA BINTI ABD. RAZAK

FBMK 2019 24



**PEMBENTUKAN KATA SLANGA DALAM
KORPUS MEDIA SOSIAL**

Oleh

NOOR HUSNA BINTI ABD. RAZAK

**Tesis ini Dikemukakan Kepada Sekolah Pengajian Siswazah,
Universiti Putra Malaysia, sebagai Memenuhi Keperluan untuk
Ijazah Doktor Falsafah**

April 2019

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersial daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersial bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta© Universiti Putra Malaysia



DEDIKASI

*Khas buat abah dan mak tercinta,
Abd. Razak Bin Kasim dan Azizah Binti Razak,
Adik-beradik dan ipar-duai yang dikasihi
Hafiz, kak Izah, Hafizah, abang Rahim,
Saadah, Hafiz, Fatimah, Nazrin,
Muhaimin, Anis dan Zuhri,
serta askar-askar kecil yang disayangi
Idlan, Iqbal, Ainul, Sumayyah, Syakirah,
Sakinah, Husni dan Naufal.*

*Terima kasih atas doa, kasih sayang
dan perhatian kalian membantuku
dalam mengharungi setiap kesukaran
dalam perjuangan
ini.*

*Buat rakan-rakan seperjuangan dan penyelia yang
dedikasi yang sentiasa membantu sepanjang
perjuangan ini, jutaan terima kasih
atas segala bantuan dan tunjuk ajar.
Semoga Allah merahmati dunia
dan akhirat
kalian.*

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah

PEMBENTUKAN KATA SLANGA DALAM KORPUS MEDIA SOSIAL

Oleh

NOOR HUSNA BINTI ABD. RAZAK

April 2019

Pengerusi: Datin Hasnah Mohamad, PhD
Fakulti: Bahasa Moden dan Komunikasi

Arus pemodenan membawa banyak perubahan terhadap pembentukan slanga. Slanga mempunyai ciri-ciri yang tertentu dan hanya difahami oleh golongan yang tertentu. Slanga perlu diberikan pendedahan menyeluruh untuk mengurangkan jurang komunikasi. Kajian ini bertujuan menghuraikan perkataan slanga yang digunakan dalam blog berdasarkan teori proses pembentukan kata O'Grady dan Guzman (2010), menghasilkan rumus cadangan bagi pembentukan perkataan slanga berdasarkan teori morfologi generatif Aronoff (1976), seterusnya menjelaskan padanan makna bagi perkataan slanga yang dikenal pasti berlandaskan teori semantik leksikal F.R. Palmer (1989). Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif dengan menggunakan kaedah analisis kandungan. Data diperoleh melalui program *Textstat* terhadap kosa kata slanga dalam 50 blog pada 2011 hingga 2016. Kajian ini mendapati bahawa terdapat enam proses pembentukan kata yang membentuk kosa kata slanga dalam blog, iaitu penyingkatan, penciptaan, peminjaman, percampuran, pengimbuhan, dan penggandaan. Selain itu, berdasarkan teori morfologi generatif, proses pembentukan kata slanga yang digunakan dalam blog melibatkan proses pengafiksian bagi prefiks [mɒN-], [bɔR-], [təR-], [di-] dan [pəN-] di samping penggunaan sufiks [-s] dan prefiks [N-] dan proses penggandaan bagi penggandaan penuh. Seterusnya, kajian ini juga mendapati bahawa semantik leksikal dalam slanga melibatkan tiga hubungan makna, iaitu polisemi, homofon, dan homograf. Secara keseluruhannya, kajian ini diharap dapat memberikan manfaat kepada masyarakat, khususnya generasi terdahulu supaya dapat memahami kosa kata slanga yang berkemungkinan menjadi penyebab kepada kekeliruan makna sekali gus, membantu melancarkan komunikasi.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

SLANG WORD FORMATION IN SOCIAL MEDIA CORPUS

By

NOOR HUSNA BINTI ABD. RAZAK

April 2019

Chairman: Datin Hasnah Mohamad, PhD
Faculty: Modern Languages and Communication

The modernization cycle brought a lot of changes to slang formation. Slang has certain characteristics and is only understood by certain groups of people. Slang should be given comprehensive exposure to reduce the communication gap. This study aimed to describe the slang words used in the blog based on the theory of process of word formation by O'Grady and Guzman (2010), produce the proposed rule for the formation of slang words based on the theory of morphology generative by Aronoff (1976), then explain the corresponding meaning of slang words identified based on lexical semantic theory by F.R. Palmer (1989). This study uses qualitative research design by using content analysis method. Data was obtained through the *Textstat* program on slang words in 50 blogs from 2011 to 2016. The study found that there are six process of word formation that form the slang word in blogs, namely clipping, coinage, borrowing, blending, affixation, and reduplication. In addition, based on the theory of morphology generative, the process of forming a slang word used in the blog involved affixation process of the prefixes [məN-], [bəR-], [təR-], [di-] and [pəN-] as well as the use of suffix [-s] and prefix [N-] and reduplication process of full reduplication. Next, this study also found that slang lexical semantics involved three meaning relation which were polysemy, homophone and homograph. Overall, this study is expected to benefit the community, especially the older generation in order to understand the slang word that may be the cause of misunderstanding of meaning at the same time, helping to facilitate communication.

PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya, tesis ini telah berjaya disiapkan. Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih ditujukan kepada Datin Dr. Hasnah Mohamad, selaku penyelia yang telah banyak membantu dan memberikan tunjuk ajar, perhatian, semangat dan nasihat dalam menyiapkan tesis ini.

Sahabat-sahabat seperjuangan, Asliza, Rozita, Saadah, Nurul Aminah, Faaizah, Ayu, dan Diana terima kasih kerana memahami dan rakan-rakan sepengajian yang lain, terima kasih atas bantuan serta semangat yang telah dihulurkan.

Jutaan kalungan kasih kepada keluarga tercinta (Mak, Abah, adik-beradik dan ipar-duai serta anak buah) yang tidak jemu memberikan nasihat, semangat dan sokongan fizikal serta mental sepanjang tempoh saya menyiapkan tesis ini. Teristimewa juga buat sahabat tersayang, Atikaf yang sentiasa menemani, menghulurkan bantuan dan motivasi sepanjang perjalanan ini.

Semoga Tuhan membalas budi baik semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menyempurnakan tesis ini.

“Terima kasih semua”

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Hasnah Binti Mohamad, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Che Ibrahim B Salleh, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Norazlina Binti Haji Mohd Kiram, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ROBIAH BINTI YUNUS, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: Noor Husna Binti Abd. Razak, GS40358

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan : _____
Nama Pengerusi
Jawatankuasa
Penyeliaan Datin Hasnah Binti Mohamad

Tandatangan: _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan Che Ibrahim B Salleh

Tandatangan: _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan Norazlina Binti Haji Mohd Kiram

ISI KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	i
ABSTRACT	ii
PENGHARGAAN	iii
PENGESAHAN	iv
PERAKUAN	vi
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii
BAB	
1	PENDAHULUAN
1.1	Latar Belakang Kajian 1
1.2	Pernyataan Masalah 6
1.3	Objektif Kajian 8
1.4	Persoalan Kajian 8
1.5	Kepentingan Kajian 8
1.6	Batasan Kajian 10
1.7	Definisi Operasional 10
1.7.1	Pembentukan Kata 10
1.7.2	Slanga 10
1.7.3	Korpus 11
1.7.4	Media Sosial 11
1.8	Kesimpulan 12
2	SOROTAN LITERATUR
2.1	Pengenalan 13
2.2	Kajian Pembentukan Kata Slanga 13
2.3	Kajian Pembentukan Kata Slanga dalam Media Sosial 15
2.4	Kajian Berkaitan Pembentukan Perkataan 18
2.5	Kajian Berkaitan Morfologi Generatif 19
2.6	Kajian Berkaitan Semantik Leksikal 20
2.7	Perkaitan Kajian Terdahulu dengan Kajian ini 22
2.8	Kesimpulan 24
3	METODOLOGI
3.1	Pengenalan 25
3.2	Reka Bentuk Kajian 25
3.3	Konsep dan Kerangka Teori 25
3.3.1	Proses Pembentukan Kata O'Grady dan Guzman (2010) 26
3.3.2	Teori Morfologi Generatif oleh Aronoff (1976) 29

	3.3.3	Teori Semantik Leksikal oleh F.R. Palmer (1989)	32
3.4		Justifikasi Kerangka Teori	34
3.5		Kaedah Kajian	35
3.6		Tatacara Kajian	36
3.7		Penganalisan Data	37
	3.7.1	Penganalisan Perkataan Slanga Berdasarkan Teori Proses Pembentukan Perkataan O'Grady dan Guzman (2010)	37
	3.7.2	Penganalisan Perkataan Slanga Berdasarkan Teori Morfologi Generatif Aronoff (1976)	38
	3.7.3	Penganalisan Perkataan Slanga Berdasarkan Teori Semantik Leksikal F.R. Palmer (1989)	38
3.8		Pertimbangan Etika	38
3.9		Kerangka Konsepsi	39
4.0		Kesimpulan	40
4		ANALISIS DATA DAN PERBINCANGAN	
4.1		Pengenalan	41
4.2		Kepelbagaian Proses Pembentukan Kosa Kata Slanga dalam Blog	41
	4.2.1	Penyingkatan	42
	4.2.2	Penciptaan	43
	4.2.3	Peminjaman	46
	4.2.4	Percampuran	49
	4.2.5	Pengimbuhan	50
	4.2.6	Penggandaan	52
4.3		Rumus Kosa kata Slanga	53
	4.3.1	Analisis Prefiks dalam Slanga Media Sosial	53
	4.3.2	Analisis Imbuhan Akhiran Sufiks [-s] dalam Slanga Media Sosial	64
	4.3.3	Analisis Imbuhan Awalan Prefiks [N-] dalam Slanga Media Sosial	65
	4.3.4	Analisis Penggandaan dalam Slanga Media Sosial	67
4.4		Padanan Makna Kosa Kata Slanga	70
	4.4.1	Polisemi	70
	4.4.2	Homofon	85
	4.4.3	Homograf	86
4.5		Implikasi Dapatan Kajian	87
	4.5.1	Implikasi Terhadap Teori	87
	4.5.2	Implikasi Terhadap Pengamal	87
4.6		Kesimpulan	88

5	KESIMPULAN	
5.1	Pengenalan	89
5.2	Rumusan Kajian	89
5.2.1	Kepelbagaian Proses Pembentukan Kosa Kata Slanga dalam Blog	90
5.2.2	Rumus Kosa Kata Slanga	90
5.2.3	Padanan Makna Kosa Kata Slanga	91
5.3	Cadangan Kajian Lanjutan	91
5.4	Kesimpulan	92
	BIBLIOGRAFI	93
	LAMPIRAN	104
	BIODATA PELAJAR	114
	SENARAI PENERBITAN	115

SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
1	Kosa kata slanga yang dibentuk melalui penyingkatan	42
2	Kosa kata slanga yang dibentuk melalui penciptaan	44
3	Peminjaman daripada bahasa Inggeris	47
4	Peminjaman daripada bahasa asing yang lain	48
5	Kosa kata slanga yang dibentuk melalui percampuran	49
6	Kosa kata slanga yang dibentuk melalui pengimbuhan	50
7	Kosa kata slanga yang dibentuk melalui penggandaan	52
8	Rumus bentuk dan formula makna prefiks [Mən-] 'seseorang yang melakukan X...'	53
9	Rumus bentuk dan formula makna prefiks [Mən-] 'menerangkan keadaan X...'	55
10	Ujian kata majmuk	57
11	Rumus bentuk dan formula makna prefiks [Bər-] 'seseorang yang melakukan X...'	58
12	Rumus bentuk dan formula makna prefiks [Tər-] 'membawa maksud tidak sengaja...'	61
13	Rumus bentuk dan formula makna prefiks [Di-] 'seseorang yang menerima akibat perbuatan X...'	62
14	Rumus bentuk dan formula makna prefiks [Pen-] 'seseorang yang melakukan X...'	63
15	Pembentukan sufiks [-s] dalam kelas kata nama	64
16	Pembentukan sufiks [-s] dalam kelas kata adjektif	65
17	Pembentukan prefiks [N-] dalam slanga media sosial	65
18	Penghuraian makna prefiks [N-] dalam slanga media sosial	66
19	Padanan makna kosa kata slanga dalam golongan polisemi	70
20	Padanan makna kosa kata slanga dalam golongan homofon	85
21	Padanan makna kosa kata slanga dalam golongan homograf	86

SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
1	Teori modifikasi	32
2	Disiplin semantik leksikal	33
3	Tatacara kajian	36
4	Kerangka konsepsi pembentukan kata slanga dalam korpus media sosial	39
5	Kaedah proses pembentukan kata penggandaan berdasarkan teori yang diubah suai	67

SENARAI SINGKATAN

RPK	Rumus Pembentukan Kata
KK	Kata Kerja
KN	Kata Nama
KA	Kata Adjektif
KKTT	Kata Kerja Tak Transitif
KKT	Kata Kerja Transitif
POTB	Pengguguran Obstruen Tak Bersuara
BMS	Bahasa Melayu Standard
BI	Bahasa Inggeris
AEO	Arbitrary Extrinsic Ordering
NAEO	NonArbitrary Extrinsic Ordering
KKp	Kata Kerja pasif
KGND	Kata Ganti Nama Diri
NLP	Pemprosesan Bahasa Semula Jadi
DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
UM	Universiti Malaya
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
SMS	Short Messaging System
IM	Instant Messaging
BBM	Blackberry Messaging
LD	Leksem Dasar
Red	reduplikasi
Bilk	Bilangan cardinal
Bilb	Bilangan berulang
V	Verb
Intra	intransitif
Tran	transitif

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Arus pemodenan membawa banyak perubahan terhadap perkembangan slanga. Slanga mempunyai ruang yang luas untuk berkembang disebabkan penggunaan media dan aplikasi sosial seperti *WhatsApp*, *Twitter*, *Facebook*, dan *Blog* yang telah mengubah aspek komunikasi. Karim Harun & Maslida Yusof (2015) mengatakan media sosial ini mempunyai tulisan yang menyerupai bahasa lisan yang terdiri daripada bentuk kolokial dan jenis-jenis bahasa lisan walaupun media sosial ini sebenarnya menghasilkan bentuk bahasa tulisan. Melalui media sosial ini, perkataan slanga semakin banyak dilihat setelah berlakunya revolusi komunikasi ini kerana berlakunya pergaulan secara luas antara individu dan kumpulan-kumpulan lain.

Intipati komunikasi ialah penghantaran makna daripada satu individu kepada yang lain. Bahasa tidak dapat dipisahkan daripada kehidupan manusia kerana bahasa digunakan sebagai alat berkomunikasi antara mereka. Oleh itu, manusia memang terikat dengan bahasa kerana bahasa merupakan medium perantaraan untuk berhubung sesama mereka (Lyons, 1977). Melalui bahasa, manusia dapat menyampaikan sesuatu keinginan atau kehendak mereka. Paramasivam, S. (2000) mengatakan manusia di negara atau tempat tertentu berkomunikasi sama ada melalui penulisan mahupun pertuturan dengan menggunakan bahasa. Hal ini kerana, fungsi bahasa sebagai medium untuk menyampaikan buah fikiran dan pandangan antara manusia.

Pada masa ini, pelbagai media dibangunkan termasuk media sosial seperti rangkaian sosial, *wiki* dan blog untuk menyokong komunikasi lebih mudah. Menurut Ahlqvist et al. (2008), masyarakat seantero dunia menggunakan bentuk media sosial ini yang merupakan medium yang paling umum penggunaannya ketika ini. Media sosial didefinisikan sebagai sekumpulan aplikasi berteraskan internet yang dibangunkan berdasarkan ideologi dan teknologi Web 2.0 dan membolehkan penciptaan dan pertukaran dilakukan (Kaplan Andreas et al., 2010). Media sosial juga bermaksud sejenis medium komunikasi dalam talian yang membolehkan pengguna berhubung dengan mudah tanpa sekatan, berkongsi dan berbincang berkenaan maklumat dengan penggunaan pelbagai gabungan multimedia yang mengandungi video, gambar, audio dan teks.

Media sosial merupakan alatan sosial dalam perhubungan. Media sosial ialah sebuah media dalam talian yang membolehkan pengguna berkomunikasi dengan mudah. Sebanyak 85% responden di Malaysia merupakan pengguna jaringan sosial dalam talian berdasarkan laporan kaji selidik *Accenture* (www.socialnetworkingwatch.com) dalam Siti Ezeleila Mustafa & Azizah Hamzah (2011). Selain itu, menurut laporan *comScore World Matrix*, Filipina mencatatkan kadar penembusan jaringan sosial yang

paling tinggi, iaitu (87%), diikuti Indonesia (84%), Singapura (77%) dan Malaysia juga menunjukkan kadar yang agak tinggi, iaitu 67%. Berdasarkan statistik ini, dapat dilihat bahawa fenomena penggunaan media sosial di Malaysia dan dunia menjadi fenomena sejagat, seiring dengan kepesatan kemajuan dan kadar permintaan yang tinggi terhadap potensi aplikasi internet dan media sosial di seluruh dunia. Pada masa akan datang, media sosial akan menjadi media utama dalam membangunkan pelbagai aspek sekiranya fenomena ini berterusan. Hal ini kerana tahap penggunaan media sosial yang tinggi dalam kalangan penduduk dunia. Fan & Gordon (2014) menambah bahawa media sosial mempunyai kuasa yang sangat besar menjelang era teknologi komunikasi dan maklumat. Muncul suasana yang baharu akibat variasi impak daripada kehadiran media sosial ini. Tugasan media lama digantikan oleh media sosial dan media sosial ini juga menyediakan pelbagai aktiviti sosial.

Perisian blog yang mesra pengguna seperti *facebook*, *friendster*, *twitter*, *wordpress* dan *blogspot* juga telah wujud akibat kepesatan industri multimedia (Norwati, 2013). Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh *Alexa Web Information* (2013) turut mengesahkan bahawa pelayan *blogspot.com* adalah antara ruangan komunikasi paling dilayari di dunia dan sebagai rekod, jumlah pautan ke halaman *blogspot.com* ialah sebanyak 31, 325 dan ruangan *blogspot.com* kini berada di tangga ke-12 jika dibandingkan dengan pelayan-pelayan percuma lain di dunia. Terkini, senarai kedudukan pengguna *blogspot.com* di dunia disandang oleh Morocco, diikuti Thailand, Sri Lanka, Pakistan dan Malaysia berada di tangga kelima. Statistik tersebut sejajar dengan pernyataan Noor Azlin Bidin & Normah Mustaffa (2012) yang mengatakan bahawa dasar demokrasi digital yang dipraktikkan oleh Malaysia menyebabkan penggunaan blog mendapat tempat dalam kalangan pengguna siber di Malaysia. Hal ini kerana blog digunakan sebagai salah satu medium percambahan ilmu. Selain itu, Malaysia juga terkenal sebagai negara yang mempunyai lingkungan blog yang paling ceria dan paling kurang kawalan di dunia. Sehubungan dengan perkembangan dalam penghasilan blog, penggunaan slanga dilihat begitu berleluasa dan sukar dibendung dalam kalangan pengguna media sosial ini.

Perubahan perkembangan teknologi komunikasi melalui media sosial telah mempengaruhi komunikasi dan cara interaksi. Perubahan sosial yang terjadi dalam masyarakat sedikit sebanyak akan mempengaruhi perkembangan bahasa. Pendek kata, ciri-ciri bahasa yang dipraktikkan adalah dipengaruhi oleh perubahan sosial. Hal ini disebabkan sifat bahasa yang merupakan fenomena sosial, iaitu bahasa sentiasa berubah. Perubahan-perubahan yang terjadi adalah disebabkan kecenderungan untuk mencari kelainan daripada apa yang ada pada masa itu dan bukannya kerana kekurangan akan bahasa yang ada (M. Zaim, 2015). Melalui media sosial ini, banyak perubahan bahasa dan antara yang paling ketara merupakan penggunaan slanga. Pada masa ini, banyak perkataan slanga yang digunakan dalam komunikasi. Slanga amat meluas digunakan dalam kalangan para pengguna laman media sosial. Kreativiti remaja sebagai pengguna bahasa generasi baharu ketika berhubung sesama remaja dan golongan lebih muda atau golongan lebih berumur menyebabkan munculnya banyak istilah baharu. Selain itu, mereka juga menggunakan istilah baharu yang dibangunkan dari kosa kata lama (M. Zaim, 2015). Mereka menggunakan slanga disebabkan keinginan untuk berseronok dan untuk meredakan ketegangan dalam suasana yang penuh emosi. Nur Izzati Omar (2017) menambah, sifat slanga yang santai, kurang

formal serta hanya memerlukan penyusunan ayat mudah atau penggunaan kosa kata yang rendah menjadikannya lebih disenangi.

Slanga ialah bahasa yang tidak rasmi yang digunakan untuk komunikasi lebih mudah dan segera dalam kumpulan sosial. Atiqah (2015) mengatakan kosa kata slang dalam konteks penggunaan yang berbeza dalam masyarakat semakin bertambah lantaran kemunculan komunikasi dalam variasi situasi yang menyumbang kepada penciptaan istilah slang baru dari semasa ke semasa selari dengan perubahan persekitaran dan perkembangan zaman.

Kamus The Concise Oxford Dictionary of Linguistics (2007) menjelaskan maksud slang sebagai ... *Slang is used especially of vocabulary specific e.g. to a particular generation of younger speakers; also, as in ordinary usage, specific to a group or profession (e.g. 'army slang), to colloquial style, etc.,* iaitu slang digunakan terutamanya kosa kata khusus contohnya kepada penutur generasi muda tertentu; juga, sebagai penggunaan biasa, khusus kepada kumpulan atau profesion (contohnya 'slang tentera), kepada gaya bahasa percakapan, dan sebagainya.

Selain itu, *Kamus Linguistik* (1997) juga mendefinisikan slang sebagai kecacatan pengucapan yang dicirikan oleh perbendaharaan kata tertentu, yang digunakan oleh kelompok anak-anak atau kelompok belia sama ada sosial dan profesional untuk perhubungan di dalam kumpulan tersebut, dan tidak boleh difahami oleh komuniti luar.

Slanga telah muncul dan berkembang sejak abad ke-19 lagi. Oleh itu, slang bukanlah fenomena baharu dalam kehidupan bermasyarakat. (Asher 1994 dlm. Bembe 2006). Penggunaan slang pada zaman tersebut terbatas kepada kelompok masyarakat kelas sosial rendah dan para pesalah. Slanga juga hanya digunakan di pasar sahaja (Asher 1994 dlm Bembe 2006).

Melihat pada konteks hari ini, slang berkembang sangat meluas dan begitu juga dengan penggunaannya. Slang sekarang tidak lagi seperti dahulu, yang hanya digunakan dalam kelompok masyarakat kelas sosial rendah. Pada hari ini, slang muncul dalam pelbagai lapisan masyarakat, tidak kira golongan tinggi atau rendah, dalam kelompok remaja mahupun dewasa (Harishon Radzi & Tengku Fariqul Haq, 2016).

Menurut Asmah (2008), manusia mencipta slang sebagai memenuhi keperluan mereka seperti bertujuan merahsiakan perbualan dalam kalangan atau kelompok tertentu daripada kelompok luar. Hal ini disebabkan ciri slang yang bersifat terbatas. Beliau mengatakan demikian kerana sifat slang tidak formal atau kolokial menyebabkan slang hanya difahami oleh kelompok penuturnya sahaja. Variasi bahasa yang tidak formal atau tidak standard mustahil untuk disebarluaskan secara menyeluruh ke segenap lapisan masyarakat. Hal ini kerana variasi bahasa tidak formal seperti slang mempunyai banyak kekangan untuk diterima oleh seluruh masyarakat, salah satu ialah

sifatnya yang tidak menggalakkan orang di luar kumpulan untuk memahaminya, dengan kata lain bersifat kekitaan. Selain itu, variasi bahasa ini juga tidak mempunyai sistem dan peraturan yang kukuh yang mengawal penggunaannya. Justeru, sesetengah slanga tidak mempunyai tatabahasa, iaitu slanga tersebut hanya wujud dalam bentuk leksikal (Harishon Radzi & Tengku Fariqul Haq, 2016).

Selain itu, slanga juga dianggap sebagai sesuatu yang kreatif oleh sesetengah ahli bahasa. Antaranya seperti pandangan S.I Hayegawa yang berpendapat bahawa ‘Slanga is the poetry of life’. (dalam Nik Safiah Karim, 1981). Hal ini kerana slanga menggambarkan perasaan tentang kehidupan dan hal-hal yang dilalui dalam kehidupan. Teo Kok Seong (1996) berpendapat slanga merujuk penggunaan bahasa yang menyeronokkan dengan memberikan pengertian baharu ke atas perkataan-perkataan lama. Sementara itu, slanga juga digunakan oleh Shakespeare di dalam karyanya: “dry” (kering) yang digantikan dengan maksud baharu, iaitu “membosankan” dan “clay brained” (otak yang berisi tanah liat) mempunyai makna baharu, iaitu “bodoh” (Teo Kok Seong, 1996).

The World Book Encyclopedia (1990) mencirikan slanga kepada enam proses pembentukan yang berbeza, iaitu kata-kata am yang diberi maksud baharu, kata yang dipendekkan atau dipanjangkan, bentuk pengucapan figura, slanga berirama, akronim dan gembengan. Ciri-ciri ini merupakan bentuk slanga yang digunakan oleh masyarakat barat. Nur Hasliana Mohamad (2000) pula merumuskan ciri-ciri slanga kepada lapan ciri, iaitu slanga daripada kata umum yang diberi makna lain, slanga daripada kata bahasa asing, slanga yang menyerupai simpulan bahasa, slanga daripada bunyi-bunyi ucapan yang tidak bermakna, slanga dalam bentuk singkatan, slanga daripada perkataan atau rangkaian kata yang diringkaskan, slanga yang menggunakan perkataan baharu dan slanga yang menggunakan perkataan biasa yang diubah suai. Ciri-ciri ini pula merupakan bentuk slanga yang digunakan dalam kalangan remaja Melayu. Kedua-dua pendapat ini agak menyerupai di antara satu sama lain. Oleh itu, dapatlah disimpulkan bahawa slanga adalah sejenis bahasa yang penciptaannya tidak mematuhi prinsip penciptaan kata atau istilah yang baku.

Slanga juga bukanlah dianggap sebagai bahasa perbualan atau kolokial yang direka oleh remaja untuk tujuan perbualan sesama mereka sahaja, tetapi slanga membawa makna yang lebih luas daripada itu. Slanga bukan hanya dituturkan dalam kalangan remaja, malah banduan turut menuturkan slanga mereka sendiri (Abdul Ghani, 2008). Selain itu, penggunaan slanga tidak terhad kepada perbualan sahaja. Slanga juga sering digunakan sebagai bahasa rahsia, iaitu bahasa yang digunakan khas untuk kalangan penuturnya sahaja. Kalangan penutur tersebut tidak ingin perbualan mereka difahami orang luar, kerana mungkin ada maklumat sulit yang ingin mereka rahsiakan (Hoogervorst, 2009). Slanga membolehkan ungkapan dan kosa kata tertentu sebagai kod rahsia, pendapat, idea dan mesej dapat ditukar-tukar dengan agak bebas.

Penggunaan slanga yang berlainan juga dipengaruhi oleh perubahan zaman. Misalnya, slanga “makwe” yang sebenarnya merujuk perempuan tua tetapi digunakan untuk

merujuk teman wanita pada tahun 1980-an. Kini, slanga “makwe” mulai kurang popular dalam kalangan mahasiswa dan perkataan ini telah ditukarkan kepada “aweks” yang bermaksud teman wanita. (Atiqah, 2015).

Di samping itu, slanga juga mempunyai cara pembentukannya yang tersendiri, iaitu dengan menyebut sesuatu perkataan itu yang diejakan secara terbalik. Sebagai contoh, “tekram” (*market*) dan “yob” (*boy*), menyebut huruf pertama dalam sesuatu frasa itu sebagai satu ungkapan. Sebagai contoh, “LTI” ialah singkatan daripada *long term inmate* (penghuni untuk jangka waktu lama) dalam slanga penjara di Britain, manakala “OT” ialah *over time* yang merupakan slanga pekerja, misalnya dalam kalangan pekerja kilang. Cara lain ialah dengan meningkatkan sesuatu perkataan itu dengan hanya menyebut sebahagian daripadanya. Sebagai contoh, “frust” daripada “frustrated” (kecewa) dalam slanga anak-anak muda. Selain itu, slanga juga dibentuk dengan meminjam daripada bahasa lain. Contohnya dalam slanga remaja, “cun” yang membawa makna cantik adalah daripada bahasa Cina, “reporter”/“CNN” yang bermaksud menjaga tepi kain orang dan “kick” yang bermaksud kepuasan adalah daripada bahasa Inggeris, manakala “soru” yang bermaksud makan adalah daripada bahasa Tamil. Slanga juga dibentuk daripada perkataan lama, bukan kerana unsur kiasannya tetapi kerana bunyinya yang dianggap boleh menambat hati mereka yang mendengarnya. Contohnya, “kapur” untuk curi, “jambu” untuk cantik dan “mangkuk” untuk bodoh.

Pembentukan kata merupakan suatu objek yang menarik untuk diteliti, kerana setiap bahasa semestinya mempunyai kepelbagaian dalam pembentukan kata yang dikenali sebagai proses morfologi. Pembentukan kata mengkaji struktur iaitu susunan bentuk bunyi ujaran atau lambang (tulisan) yang menjadi unit bahasa yang bermakna, bentuk iaitu unit tatabahasa, sama ada berbentuk tunggal atau hasil daripada proses pengimbuhan, pemajmukan dan penggandaan dan penggolongan kata pula ialah proses mengkategorikan perkataan berdasarkan persamaan bentuk atau fungsi dengan anggota lain dalam kategori yang sama. Abdullah Hassan (2007) menyatakan morfologi ialah bidang linguistik yang mengkaji pembinaan perkataan. Morfologi mengkaji unsur-unsur yang membentuk perkataan, proses-proses membentuk perkataan dan bentuk – bentuk perkataan.

Berdasarkan penghuraian slanga di atas, dapatlah dirumuskan bahawa slanga merupakan satu kelainan bahasa yang digunakan sekelompok manusia yang perbendaharaan katanya bersifat kolokial dan terhad yang digunakan untuk menyatakan berkenaan sesuatu yang ingin dirahsiakan daripada pengetahuan kelompok luar. Slanga ini digunakan secara meluas oleh kelompok pengguna sesama mereka sendiri di dalam media sosial yang maknanya hanya diketahui oleh mereka. Maksud atau makna slanga ini juga boleh diketahui melalui kosa kata yang digunakan. Malahan, terdapat kata slanga yang sudah menjadi kebiasaan dan sering digunakan oleh para pengguna media sosial sehinggakan maksud kata slanga tersebut telah diketahui ramai. Siti Hajar (2009) mengatakan bahawa penggunaan slanga ini boleh tersebar daripada kumpulan asalnya hingga menghasikan bahasa yang senang untuk difahami. Penggunaan sesuatu slanga mampu menjangkau had sosial, etnik, ekonomi dan kawasan geografinya.

Slanga perlu diberikan pendedahan menyeluruh untuk mengurangkan jurang komunikasi. Justeru itu, usaha mendokumentasi slanga untuk menjelaskan makna harus diambil perhatian. Pendokumentasian kata slanga ini penting supaya kosa kata slanga dapat dibukukan seterusnya dapat dijadikan panduan untuk kegunaan umum. Pengguna bahasa, khususnya generasi terdahulu dapat mengetahui maksud kata-kata slanga ini dengan tepat tanpa sebarang kekeliruan. Selain itu, usaha mengumpulkan dan mendokumentasikan kosa kata slanga ini juga penting untuk memperbanyak istilah dalam pelbagai bidang bahasa Melayu. Kajian ini juga diharapkan dapat mengumpulkan dan menghuraikan pelbagai perbezaan dalam kosa kata slanga dan bahasa Melayu standard. Oleh itu, pengkaji bercadang untuk memaparkan pembentukan kata slanga berserta maknanya dan menjangka kebarangkalian pembentukan slanga pada masa akan datang khususnya dalam media sosial.

1.2 Pernyataan Masalah

Teknologi semakin berkembang pesat. Hal ini turut mempengaruhi bahasa yang digunakan sehari-hari. Antara isu bahasa yang semakin berkembang seiring dengan peningkatan teknologi ialah slanga. Slanga telah lama wujud. Dahulu slanga hanya popular dalam percakapan. Namun, slanga semakin meluas dengan berkembangnya teknologi khususnya dalam media sosial. Perkembangan slanga menyebabkan berlakunya perubahan. Perubahan ini menimbulkan kekeliruan kepada para pengguna bahasa. Kekeliruan tentang slanga dari aspek pembentukan kata slanga dan perubahan struktur ejaan setelah mengalami proses pengimbuhan dan penggandaan dalam kalangan pengguna blog khususnya generasi terdahulu berlaku dan hal ini mendatangkan masalah.

Penggunaan slanga semakin meruncing akibat kemajuan teknologi. Walaupun slanga telah lama wujud di Malaysia, pengkaji melihat senario kurangnya usaha pendokumentasian kata slanga seperti yang dilakukan di luar negara. Di sesetengah negara, adanya usaha untuk merakamkan kosa kata slanga sebagai dokumentasi dan rujukan. Misalnya, *The Prober & Encyclopaedia* yang menyenaraikan 16,000 slanga bahasa Inggeris termasuk yang digunakan di Amerika Latin, Austria, Kanada, Afrika Selatan dan di beberapa buah negara lain yang meliputi slanga dalam bidang komputer, perubatan, ketenteraan, dan sebagainya (Jeniri Amir, 2006). Ibrahim Ahmad (2002) juga menambah dengan mengatakan bahawa keperluan memasukkan kata atau ungkapan slanga mahupun kata yang muncul dari laras tertentu dalam kamus adalah amat perlu bagi menambahkan perbendaharaan kata bahasa Melayu. Oleh itu, usaha pengumpulan dan pendokumentasian kosa kata slanga ini amat penting untuk memperbanyak perbendaharaan kata dalam bahasa Melayu.

Slanga mempunyai makna yang berbeza dengan bahasa Melayu standard. Perbezaan makna ini merupakan penyebab kepada kekeliruan. Kekeliruan ini menyebabkan berlakunya gangguan komunikasi dalam interaksi sosial generasi muda dengan generasi terdahulu. Jurang generasi wujud akibat perbezaan penggunaan bahasa ini (Ramaa Prasad, 1992). Dalam meneliti makna kosa kata slanga ini, generasi terdahulu masih keliru dengan makna sesetengah kosa kata slanga ini. Misalnya, mesej

yang hendak disampaikan itu tidak dapat disampaikan jika bercakap dengan menggunakan bahasa yang dipendekkan dengan golongan yang lebih berumur. Penggunaan bahasa seperti ini mendatangkan kerosakan pada bahasa Melayu dan menimbulkan kekeliruan kepada orang Melayu, khususnya dalam kalangan warga emas (Muhammad Daud, 2012). Penggunaan bahasa yang agak berlainan yang dihasilkan oleh generasi muda ini memberi tempas kepada generasi tua. Kekeliruan akibat daripada perubahan sedemikian mengakibatkan generasi tua tidak dapat memahami bahasa pertuturan yang digunakan generasi muda. Hal ini kerana, kosa kata slanga bukanlah bahasa standard yang mudah difahami oleh segenap golongan dan kadang-kadang maksudnya sangat berbeza dengan bahasa standard. Selain itu, terdapat juga segelintir golongan yang salah faham dengan penggunaan perkataan yang digunakan oleh generasi kini.

Walaupun terdapat kajian sebelum ini yang mengkaji pembentukan perkataan slanga, seperti kajian Ismiyati (2011), Rahmi Marzita, Hermawati Syarif, Havid Ardi (2013), Kheren Kezia Adolof (2014), dan Napoleon Kang Epoge (2012) namun fokus kajian yang dilakukan hanya menumpukan kepada slanga di luar komuniti maya. Kajian ini meneliti pembentukan slanga dalam wacana lisan dan tulisan. Kajian ini meninggalkan lompong dari aspek yang penting seperti morfologi khususnya rumus pembentukan kata. Sememangnya terdapat banyak kajian berkenaan pembentukan kata slanga namun, kajian rumus pembentukan kata slanga masih kurang mendapat perhatian pengkaji lain.

Lompong kosong yang terdapat dalam kajian Retno Rendrasari (2013), Mike Thelwall (2009) dan juga kajian-kajian lain yang dibincangkan dalam bab sorotan literatur telah membawa kepada pengkajian berkaitan dengan pembentukan kata slanga dalam media sosial, dengan penumpuan kepada tiga objektif yang dirancang. Kajian ini dipilih untuk dijalankan dengan matlamat membantu memberi pemahaman makna kata slanga yang pelbagai. Melalui kajian ini, masalah yang berkaitan dengan kekeliruan perkataan slanga khususnya dalam kalangan generasi terdahulu dapat diatasi dengan langkah pendokumentasian bagi membantu memperbaiki masalah tersebut.

Berdasarkan permasalahan yang dikemukakan ini, adalah wajar suatu kajian dilaksanakan untuk menghuraikan pembentukan kata slanga, membincangkan padanan makna kata slanga dan menghasilkan rumus cadangan untuk digunakan sebagai entri dalam penyusunan kamus supaya dapat membantu menyelesaikan masalah keaburan makna dalam memahami slanga dalam kalangan masyarakat sekali gus, menyempitkan jurang komunikasi yang wujud antara generasi terdahulu dengan generasi kini.

1.3 Objektif Kajian

Objektif kajian ini dilakukan adalah seperti yang berikut:

1. Menghuraikan perkataan slanga yang digunakan dalam blog berdasarkan teori proses pembentukan kata O'Grady dan Guzman (2010).
2. Menghasilkan rumus cadangan bagi pembentukan perkataan slanga berdasarkan teori morfologi generatif Aronoff (1976).
3. Menjelaskan padanan makna bagi perkataan slanga yang dikenal pasti berlandaskan teori semantik leksikal F. R. Palmer (1989).

1.4 Persoalan Kajian

Terdapat tiga persoalan yang perlu dijawab dalam kajian ini. Berikut ialah persoalan kajian ini:

1. Bagaimanakah kata slanga dalam media sosial dibentuk?
2. Bagaimanakah rumus-rumus bagi kata slanga tersebut dibentuk?
3. Apakah kategori padanan makna bagi kata slanga yang dikenal pasti?

1.5 Kepentingan Kajian

Berdasarkan objektif yang dinyatakan, kajian ini penting kepada bidang sosiolinguistik. Hal ini kerana slanga merupakan pecahan daripada variasi bahasa yang termasuk dalam bidang sosiolinguistik. Kajian ini mengkaji penggunaan kata slanga dari aspek bentuk, makna dan rumus cadangan kata slanga. Banyak dapatan baharu yang dijangka dapat memberikan sumbangan yang bernilai dalam usaha memperkaya kajian slanga yang berkait rapat dengan aspek morfologi, dan semantik yang masih kurang mendapat perhatian ahli linguistik. Ramai pengkaji barat yang berminat untuk mengkaji slanga tetapi kajian mereka tidak menyeluruh. Jika diteliti, kosa kata slanga dengan bahasa Melayu standard mempunyai banyak perbezaan dari aspek linguistik. Contohnya, aspek perbezaan makna dan perbezaan struktur kata.

Di samping itu, hasil kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada pembinaan korpus. Korpus digunakan untuk tujuan kajian di samping sebagai bahan untuk pembuat kamus. Korpus menyediakan peluang kepada pengkaji dalam melakukan pemerhatian dan penelitian yang mendalam terhadap bahan seperti kajian terhadap bahasa secara umum, khusus atau apa-apa interaksi sosial yang lain. Kini, data korpus digunakan sebagai data kajian bahasa dalam hampir semua cabang linguistik seperti semantik, sintaksis, sosiolinguistik, leksikografi dan morfologi (McEnery dan Wilson, 2001). Di samping itu, korpus dapat menawarkan data-data khususnya penggunaan bahasa yang terkini. Kemudahan pencapaian kepada data-data korpus melalui sistem konkordans membolehkan pengkaji melihat kepenggunaan bahasa dan nilai makna yang terkini dalam sesebuah masyarakat kerana ia adalah tepat dan relevan. Oleh yang

demikian, korpus media sosial ini diharap akan menjadi sumber rujukan yang objektif dan autentik kepada para penyelidik bahasa Melayu kerana dapatan yang diperoleh daripada kajian berdasarkan korpus ini dapat mencerminkan perilaku tipikal kata slanga dalam persekitaran penggunaannya yang sebenar.

Selain itu, hasil kajian ini, iaitu rumus cadangan pembentukan kata slanga juga dapat memberikan sumbangan dari aspek normalisasi teks. Normalisasi ini digunakan dalam proses lemmatisasi. Ingason dkk. (2008) mengemukakan bahawa lemmatisasi ialah sebuah proses untuk menemukan bentuk dasar daripada sebuah kata. Nirenburg (2009) mendukung teori ini dengan ayatnya yang menjelaskan bahawa lemmatisasi adalah proses yang bertujuan untuk melakukan normalisasi pada teks atau kata dengan berdasarkan pada bentuk dasar yang merupakan bentuk lemmanya. Proses lemmatisasi ini merupakan aplikasi yang diterapkan daripada Pemprosesan Bahasa Semula Jadi (NLP). Pemprosesan Bahasa Semula Jadi (NLP) ini akan diaplikasikan untuk membangunkan perisian dalam bidang komputer untuk mengesan jenayah, salah laku atau perkara negatif yang berlaku dalam media sosial.

Secara tidak langsung, kajian ini juga dapat menyumbang dalam ilmu leksikografi. Hasil kajian slanga ini yang berupa kata slanga dapat dijadikan entri dalam penyusunan kamus, iaitu padanan kata slanga dengan bahasa standard. Kamus slanga ini dapat digunakan untuk memberikan pemahaman yang terperinci terhadap makna kata slanga yang kurang difahami atau disalah tafsir. Pengkaji berpendapat adalah wajar jika boleh mendokumentasikan kata slanga dalam bentuk kamus agar lebih difahami oleh masyarakat dalam usaha memastikan slanga tidak menjadi punca masalah komunikasi. Kamus ini dapat memperkaya kosa kata dan sekali gus dapat mengelak berlakunya kekeliruan. Kamus ini akan memudahkan masyarakat untuk memahami kata slanga yang berkemungkinan menjadi penyebab kepada kekeliruan makna. Secara tidak langsung, pemahaman masyarakat terhadap kosa kata slanga akan mewujudkan suasana harmoni dan hubungan mesra ketika berinteraksi antara satu sama lain.

Akhir sekali, hasil kajian ini penting dalam memberikan gambaran sebenar bagaimana ciri-ciri, struktur, makna dan pembentukan perkataan slanga. Kajian ini juga mengetengahkan kepada masyarakat sedikit sebanyak kosa kata yang telah digunakan oleh pengguna laman sosial dalam berkomunikasi. Hasil kajian ini juga bertujuan memudahkan proses pemahaman perkataan slanga. Ini kerana penghuraian perbezaan antara slanga dengan bahasa standard akan dapat menjelaskan masalah yang dihadapi dalam memahami maksud perkataan slanga. Secara tidak langsung, kajian ini dapat menambahkan kekayaan bahasa yang ada di Malaysia, di samping dialek Melayu dan bahasa bumiputera.

1.6 Batasan Kajian

Kajian ini hanya dibataskan kepada kata slanga dari sudut proses pembentukan perkataan, rumus pembentukan kata dan semantik leksikal. Kajian ini akan memperlihatkan perbezaan kata slanga dengan bahasa Melayu standard dalam aspek linguistik, iaitu bidang morfologi dan semantik. Pengkaji hanya menumpukan kepada unit perkataan slanga yang digunakan dalam blog. Di samping itu, pengkaji memilih sebanyak 50 buah blog berbahasa Melayu. Pengkaji memilih blog dengan tema peribadi serta mempunyai kunjungan tertinggi. Hal ini kerana, pengkaji ingin meneliti kata slanga yang terdapat di dalam artikel blog dan komen yang diberi. Data diperoleh daripada artikel blog yang ditulis pada 2011 hingga 2016.

1.7 Definisi Operasional

Dalam bahagian definisi operasional ini, pengkaji menjelaskan beberapa istilah yang digunakan dalam kajian ini. Istilah yang terdapat dalam kajian didefinisikan dengan jelas dalam konteks skop kajian yang dibuat. Definisi operasional ini juga menerangkan konsep khusus dalam bidang berkaitan.

1.7.1 Pembentukan Kata

Algeo (1991) dalam Harishon Radzi (2006) menyatakan pembentukan kata ialah proses penerbitan atau penghasilan kata baharu menerusi proses penciptaan, peminjaman, pemendekan dan perubahan. Menurut Nik Safiah Karim et al. (2009) pula, pembentukan kata ialah proses yang melibatkan penerbitan binaan-binaan perkataan, iaitu bagaimana penyusunan morfem sebagai unsur perkataan dan percantumannya untuk pembentukan sesuatu perkataan. Dalam kajian ini, pembentukan kata slanga adalah proses yang terlibat dalam pengguna media sosial membentuk kata slanga yang digunakan untuk komunikasi. Kata slanga ini diuraikan dengan menggunakan teori proses pembentukan kata oleh O'Grady & Guzman (2010) dan Yule (2010). Menurut teori ini, terdapat 12 proses pembentukan perkataan, iaitu pemajmukan, peminjaman, penciptaan, percampuran, penyingkatan, penggandaan, perubahan fungsi, pengimbuhan, onomatopoeia, akronim, penggantian dan perubahan dalaman. Perkataan slanga akan dikategorikan berdasarkan proses-proses ini. Rumus pembentukan kata pula dibentuk dengan menggunakan teori morfologi generatif Aronoff (1976). Rumus diterbitkan melalui pembentukan kata imbuhan dan kata ganda.

1.7.2 Slanga

Kamus *Oxford English Dictionary* (1989), mendefinisikan slanga sebagai “ *A type of language consisting of word and phrases that are regarded as very informal, are more common in speech than writing, and are typically restricted to a particular context or group of people*”, iaitu sejenis bahasa yang terdiri daripada perkataan dan frasa yang

dianggap sangat tidak rasmi, lebih umum dalam pengucapan daripada penulisan, dan biasanya terhad kepada konteks tertentu atau sekumpulan orang. Dalam konteks kajian ini, slanga merujuk kepada bentuk gaya bahasa penulisan yang dimodenkan mengikut arus teknologi. Slanga digunakan oleh pengguna media sosial yang terdiri daripada kelompok remaja tertentu, dalam konteks tertentu dan masa tertentu melalui penyesuaian popular dan peluasan makna kata sedia ada atau mengubah suai makna untuk memenuhi keperluan tertentu. Kata slanga yang digunakan bersifat santai dan kurang formal serta tidak memerlukan penggunaan perbendaharaan kata yang tinggi.

1.7.3 Korpus

Korpus bermaksud himpunan jalinan bahasa atau teks lengkap dalam format elektronik. Korpus ini dipilih dan disusun mengikut kriteria linguistik yang eksplisit dan digunakan sebagai sampel sesuatu bahasa (Sinclair, 2005). Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan korpus media sosial untuk meneliti kata slanga. Pengkaji menggunakan teks-teks yang dikumpulkan daripada 50 buah blog untuk mendapatkan contoh penggunaan sebenar kata slanga untuk analisis kajian ini. Bahan korpus untuk kajian ini merupakan penulisan artikel dan komen pengguna media sosial yang menggunakan blog sebagai medium komunikasi. Bahan korpus ini dihasilkan melalui program *TextStat*, iaitu program untuk menganalisis teks.

1.7.4 Media sosial

Media sosial merupakan teknologi yang merangkumi blog, wiki, alat perkongsian media (teks, gambar, audio, dan video), pentas jaringan (termasuk *Facebook*), dunia maya yang membantu interaksi sosial, mewujudkan kerjasama, dan pertimbangan dalam membuat sesuatu keputusan (Ahmed Yousif Abdelraheem, 2013). Media sosial boleh didefinisikan sebagai komuniti talian yang menghubungkan manusia melalui perkongsian maklumat berguna, kandungan multimedia, dan banyak lagi dengan rakan atau pengguna lain. (Junghun, Choonseong, Byungun, & Youngjoon, 2013). Dalam konteks kajian ini, media sosial merupakan blog yang merupakan sebuah laman web yang menyediakan kupasan berkenaan sesuatu topik, seperti, politik, berita tempatan, atau makanan.

Selain itu, terdapat beberapa weblog yang bertindak lebih ke arah buku catatan peribadi dalam talian. Pengkaji menggunakan blog yang bersifat peribadi. Blog peribadi merupakan gabungan teks, imej, dan pautan ke dalam weblog, laman web, dan media lain yang bersangkutan dengan tajuknya (Erlina, 2009). Blog peribadi juga mengizinkan pengguna untuk meninggalkan ulasan di laman tersebut di samping memberi ruang kepada pemilik blog menyatakan pandangan mereka. Kriteria inilah yang membuatkan laman web biasa berbeza dengan blog iaitu pengguna juga dapat memberikan pandangan mereka terhadap sesuatu artikel yang dihasilkan oleh pemilik blog. Hal ini merupakan kriteria blog yang utama iaitu kemampuan pengguna untuk memberikan kupasan dalam format interaktif. Sifat blog yang menjadi jurnal harian ini menyebabkan penulisan bersifat peribadi dan santai. Hal ini lah yang menyebabkan pengkaji memilih laman sosial blog untuk mengkaji penggunaan slanga.

1.8 Kesimpulan

Bab ini menghuraikan latar belakang pembentukan slanga dalam media sosial. Pernyataan masalah memberi fokus kepada permasalahan kekeliruan penggunaan perkataan slanga dalam media sosial dalam mengurangkan jurang komunikasi antara generasi. Selain itu, pernyataan masalah juga mengaitkan isu kekurangan kajian slanga khususnya rumus pembentukan kata slanga. Sejumlah tiga objektif kajian telah dikemukakan bagi memenuhi kajian ini. Setelah itu, kepentingan kajian dan batasan kajian turut diberikan. Seterusnya definisi operasional juga diberikan.



BIBLIOGRAFI

- Abdul Halim Bandan. (1992). *Bahasa rock protem*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Wahab. (1995). *Teori Semantik*. Surabaya: Airlangga University Press.
- Abdullah Hassan. (1980). *Linguistik Am untuk Guru Bahasa Malaysia*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Abdullah Hassan (1992). Pendidikan dan Patriotisme Malaysia. *Jurnal Dewan Bahasa*, 40(8): 676-693.
- Abdullah Hassan & Ainon Mohd. (1994). *Tatabahasa Dinamika*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Abdullah Hassan (2007). *Linguistik Am*. Selangor: PTS Professional.
- Adam, V. (1973). *An Introduction To Modern English Word-Formation*. London: Longman.
- Adolof, K.K. (2014). Slanga Dalam Lagu Black Eyed Peas. *Jurnal Elektronik Fakultas Sastra Universitas Sam Ratulangi*, 2(2): 1-16.
- Afifah Rahmawati (2012). *Word formation Processes on Slang Words Used by Transsexual*. (Thesis of Degree Majoring Linguistics in English Department). University Diponegoro, Indonesia.
- Ahlqvist, T., Bäck, A., Halonen, M., and Heinonen, S. (2008). Social Media Roadmaps: Exploring the futures triggered by social media. (VTT Tiedotteita – Research Notes 2454). Retrieved from Digital Agenda for Europe website <http://ec.europa.eu/digital-agenda/futurium/en/content/social-media-roadmaps-exploring-futures-triggered-social-media>
- Ahmed Yousif Abdelraheem (2013). *University Students' Use of Social Networks Sites and Their Relation with Some Variables*. Paper presented at the WEI International Academic Conference, Antalya, Turkey.
- Akmajian et al. (2010). *General Linguistics*. Philadelphia: MIT Press.
- Alexa Web Information (2013). Diakses dari: [http:// www alexa. com / siteowners /](http://www.alexaweb.com/siteowners/) data pada 05 Januari 2015.

- Alimi, Modupe & Arua, Arua (2009). The Creation of Students' Academic Slang Expressions in the University of Botswana. *Linguistik online*, 40.
- Aronoff, M. (1976). *Word Formation In Generative Grammar*. Massachusetts: Institute Of Technology.
- Asmah Haji Omar. (2008). *Ensiklopedia Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Atiqah dan rakan-rakan (2015). "Slanga Dalam Filem Kl Gangster". Diakses dari: <https://fatiku.wordpress.com/2015/04/20/1-2-pengenalan-slanga/> data pada 12 April 2016.
- Bembe, Princess, (2009) "The use of slang by black youth in Gauteng", *Journal of Southern African Linguistics and Applied Language Studies*, Vol. 25. Doi: 10.2989/16073610709486475
- Bloomfield, L. (1933). *Language*. New York: Holt, Rinehart & Winston.
- Carmel Heah Lee Hsia. (1989). *The influence of English on the lexical expansion of Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chaer, Abdul dan Leoni Agustina. (1995). *Sosiolinguistik: Suatu Pengantar*. Jakarta: Rineka Cipta.
- Chaer, Abdul. (2003). *Linguistik Umum*. Jakarta: Pt Rineka Cipta.
- Chinomso Patricia Dozie & Lovina Ihunanya Madu. (2012). Language of Communication among University Student in Nigeria: A Study on Slangy Expressions in Federal University of Technology Owerri, Nigeria. *J Communication*, 3(2): 99-103.
- Christina Ong Sook Beng & Yuen Chee Keong (2012). Peminjaman leksikal dalam blog bahasa Inggeris remaja Malaysia. *Malaysian Journal of Communication*, 28(1). 137-150.
- Chua, Y. P. (2006). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan*. Kuala Lumpur: McGraw Hill.
- David Morley (2000) Home territories: media, mobility and identity. *New Media and Society*, 3 (4). pp. 501-504.
- Djajasudarma, Fatimah. T. (1993). *Semantik 1: Pengantar ke Arah Ilmu Makna*. Bandung: PT. Eresco.

- Djuwita Utami. (2010). *Karakteristik Penggunaan Bahasa pada Status Facebook*. (Tesis Sarjana). Universitas Sebelas Maret, Surakarta.
- Doring, N. (2001). Communicative functions of the SMS texts of German students. (On-line). Diakses pada 29/7/2016 dari <http://www.nicolaoefing.de/publications/sms-kurzformen-doering-2002.pdf>.
- Eble, Connie C. (1996). *Slang and Sociability. In-Group Language among College Students*. London: Chapel Hill.
- Efron Erwin Yohanis Loe (2017). Reduplikasi Bahasa Rote Dialek Dengka. *Mozaik Humaniora*, 17(1).
- English Oxford living dictionaries. Diakses dari <https://en.oxforddictionaries.com/>
- Erlina (2009). *Supermedia*. Jakarta: Erlangga.
- Evans, Vyvyan, Benjamin Bergen and Jörg Zinken. (2007). *The Cognitive Linguistics Reader*. London: Equinox.
- Ewaldine Melanie Karel. (2004). *A study on word-formation processes of slang expressions by the characters in the film "ada apa dengan cinta"*. (Sarjana Degree in English). Petra Christian University, Indonesia.
- Fan, W., & Gordon, M.D. (2014). The power of social media analytics. *Communications of the ACM*, 57 (6), 74-81. DOI:10.1145/2602574
- Febri Oktavia (2017). *An Analysis Of Word Formation Processes Of Slang Words In "The Beginning" Album By Black Eyed Peas*. (Jurnal Ilmiah Mahasiswa). STKIP PGRI, Sumatera Barat.
- Fernando Penalosa. (1981). *Introduction to the Sociology of Language*. Cengage Heinle: Newbury House Pub.
- Fromkin, V., Rodman, R., & Hyams, N. M. (2007). *An introduction to language. (6th ed.)*. Boston, MA: Thomson Wadsworth.
- Galang Persada (2013). A Sociolinguistics Study of Slang Words Used by Harry Potter in the Movie Entitled "Harry Potter and the Half Blood Prince". *Jurnal SCRIPTA - Pendidikan Bahasa Inggris*, 1(2).
- Graddol. (2006). *English Next*. United Kingdom: British Council.

- Grossman, Aryn L.; Tucker Joan S. (1997). Gender Differences and Sexism in the Knowledge and Use of Slang, Sex Roles. *ProQuest Central*, 37, 1/2: pp. 101.
- Harishon Radzi (2006). Pembentukan Bahasa Melayu: Yang Standard dan Yang Kreatif. *Jurnal Linguistik*.7. 81-93.
- Harishon Radzi & Tengku Fariqul Haq (2016). Slanga sebagai Wahana Komunikasi dalam Kalangan Remaja di Bengkalis. *Jurnal Linguistik*, 20(1). 33-41.
- Harman, S. E. dan House, Homer C. (1950). *Descriptive English Grammar: Second Edition*. America: Prentice-Hall, Inc.
- Hartman dan Stork. (1973). *Dictionary of Language and Linguistics*. London: Applied Science Pub. Ltd.
- Hatch, E., & Brown, C. (1995). *Vocabulary, Semantics, and Language Education*. New York: Cambridge University Press.
- Haugen, E. (1953). *The Norwegian Language in America: A study in bilingual behaviour*. Philadelphia: UP of Pennsylvania.
- Hishamudin Isam & Mashetoh Abd. Mutalib. (2014). Penyerlahan Pemikiran dan Identiti Penutur Kesan Penyingkatan/ Pelemahan Kata Bahasa Lisan. *Jurnal Pendidikan Bahasa dan Sastra*, Vol. 14, No.1.
- Hoogervorst, J.A.P. (2009). *Enterprise Governance and Enterprise Engineering*. Berlin-Heidelberg: Springer.
- Hsieh, Hsiu-Fang dan Shannon, Sarah, (2005) Three Approaches to Qualitative Content Analysis. Conference paper Disember 2005. Dimuat turun dari <https://www.researchgate.net/publication/261760617> pada 3 Februari 2015.
- <http://buasirotak.blogspot.com/2017/09/himpunan-slang-orang-malaysia-yang.html>
- https://malayslang.fandom.com/wiki/Malay_Slang_Wiki
- <https://tofukicks.com/33-slang-malaysian-malays-love-to-use/>
- Ibrahim Ahmad. (2002). *Perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah rendah*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Indrawati Zahid (1998). Peribahasa Melayu: Satu klasifikasi Yang Tiada Penentu. *Jurnal Dewan Bahasa* (42:11), hlm. 978-84.

- Ingason, K., Helgadóttir, S., Loftsson, H., Rögnvaldsson, E. (2008). A Mixed Method Lemmatization Algorithm Using a Hierarchy of Linguistic Identities (HOLI). Aarne Ranta (Eds.). *Advances in Natural Language Processing*.
- Ismiyati. (2011). *Bahasa Prokem Di Kalangan Remaja Kotagede*. (<http://eprints.uny.ac.id/4249/1/ISMIYATI-07210141010.pdf>). (Skripsi Non Publikasi). Universitas Negeri Yogyakarta, Indonesia.
- Jeniri Amir. (2006). Slanga mengungkapkan realiti, *Dewan Bahasa*, 12(6): 17-18.
- Junghun, K., Choonseong, L., Byungun, K., & Youngjoon, C., (2013). Evolution of Online Social Networks: A Conceptual Framework. *Asian Social Sciences*, 9(4), 208-220.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2016). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kaplan, A.M. and Haenlein, M. (2010). Users of the world, unite! The challenges and opportunities of social media, *Business Horizons*, 53(1): 59-68.
- Karim Harun & Maslida Yusof (2015). Komunikasi Bahasa Melayu-Jawa dalam Media Sosial. *Malaysian Journal of Communication*, 31(2). 617-629.
- Krippendorff, K. (2004). *Content Analysis: An Introduction to Its Methodology (2nd ed.)*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Lau, S. K. (2005). *Penggunaan bahasa dalam bilik sembang bahasa Melayu: Satu kajian berdasarkan pragmatik*. (Tugasan Kursus Pragmatik Program Ijazah Sarjana Pengajian Bahasa Moden yang belum diterbitkan). Universiti Malaya, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Malaysia.
- Levin, B. (1993). *English Verb Classes and Alternations: A Preliminary Investigation*. Chicago: The University of Chicago Press.
- Lopez Rua, P. (2006). Nonmorphological word formation. Dlm. *Encyclopedia of Language & Linguistic*. 2nd. Edition, (Hlm. 675-678). Oxford: Elsevier.
- Lyons, J. (1977). *Semantics Vols. 1 and 2*. London: Cambridge University Press.
- Lyons, J. (1981). *Language. Meaning and Context*. London: Fontana Collins.

- M. Zaim (2015). Pergeseran Sistem Pembentukan Kata Bahasa Indonesia: Kajian Akronim, Blending, dan Kliping, *Linguistik Indonesia* 33(2): 173-192.
- Magdeline Princess Bembe & Anne-Marie Beukes (2009) "The use of slang by black youth in Gauteng", *Southern African Linguistics and Applied Language Studies*, Vol. 25 Iss: 4, pp. 463-472. DOI: 10.2989/16073610709486475
- Mansoer Pateda (2001). *Semantik Leksikal*. Jakarta: Rineka Cipta.
- Maslida Yusof dan Karim Harun (2015). Analisis Lakuan Tutur Dalam Ruang Status Facebook. *Malaysian Journal of Communication*, 31(2): 151-168.
- Matthews, Peter. (1997). *The Concise Oxford Dictionary of Linguistics*. Oxford: Oxford University Press.
- McEnery T. & A. Wilson. (2001). *Corpus linguistics, 2nd edition*. Edinburgh: Edinburgh University Press.
- Mike Thelwall, (2009) "MySpace comments", *Online Information Review*, Vol. 33 Issue: 1, pp.58-76, <https://doi.org/10.1108/14684520910944391>
- Minah Sintian (2015) Penggunaan Slanga Dalam Kalangan Pelajar Kadazan Dusun. Conference paper November 2015. Dimuat turun dari <https://www.researchgate.net/publication/283622571> pada 6 Mei 2016.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar. (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: Penerbitan Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Yusof Hj. Othman. (1996). *Panduan penyelidikan sains dan penulisan saintifik Jilid 1*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Daud (2012, Oktober 1). Bahasa Slanga Remaja: Cabaran Memartabatkan Bahasa Melayu. *Dewan Bahasa*.
- Nadiah Suboh. (2013). *Aspek Bahasa Melayu dalam Penulisan Blog Berdasarkan Perisian Pengukuran NEMD Versi 2.0*. (Tesis Sarjana Sastera Bahasa Melayu). Universiti Putra Malaysia, Malaysia.
- Napoleon Kang Epoge. (2012). "Slang and Colloquialism in Cameroon English Verbal Discourse", *International Journal of Linguistics*, Vol. 4, No. 1. DOI: 10.5296/ijl.v4i1.1414.

- Nik Safiah Karim. (1981). *Beberapa persoalan sosiolinguistik bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim et al. (2009). *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa, Abdul Hamid Mahmood. (2015). *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nirenburg, S. (2009). *Language Engineering for Lesser-Studied Languages*. Amsterdam: IOS Press.
- Noor Azlin Bidin dan Normah Mustaffa (2012). Blogosphere: How youth perceived blogs creadibility. *Malaysian Journal of Communication*. 28(1). 33-54.
- Noor Ein Mohd. Noor. (1976). *Morfologi dialek Pulau Pinang, seperti yang dituturkan di daerah Genting, Pulau Pinang*. Kuala Lumpur: Perkhidmatan Mikerofilem Perpustakaan Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Nur Azlina binti Jalaluddin (2017) Modenisasi Bahasa di Kalangan Gen Z. Dimuat turun dari http://conference.kuis.edu.my/pasak2017/images/prosiding/ilmu_bahasa/05-Nur-Azlina-KKKL.pdf pada 10 Januari 2018.
- Nor Hafidah Ibrahim (2011). . Prosiding Seminar Antarabangsa Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu VII: *Penggunaan bahasa slanga dan percampuran bahasa melatari laman blog remaja: suatu tinjauan awal*. Universiti Putra Malaysia. 9-10 November.
- Norwati Mohd Zain (2013). Analisis Blog Wanita dan Pengkid Berasaskan Pendekatan Prosodi Semantik. *Jurnal Linguistik*, 17(2): 49-62.
- Nur Hasliana Mohamad (2000). *Slanga Di kalangan Remaja Melayu*. (Kertas projek B.A. Bahasa dan Linguistik Melayu). Universiti Putra Malaysia, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Malaysia.
- Nurhayati, Dwi Astuti Wahyu. (2016). Word Formation Processes and a Technique in Understanding Waria Slang Tulungagung. *EFL Journal/ ISSN: 2502- 6054, Vol 1 No. 1*.
- Nur Izzati Omar (2017, April 25). Kawal Bahasa Slanga. *Utusan Online*.

- O'Grady, W. & de Guzman, V. (2010). Morphology: The analysis of word structure. In O'Grady, W., Archibald, J., Aronoff, M. & Rees-Miller, J. (Ed.), *Contemporary linguistics: An introduction (6th ed.)* (pp. 115-153). Boston: Bedford/St. Martin's.
- Ochonogor W. C., Alakpodia N. O., Achugbue I. E. (2012) "The Impact of Text Message Slang (Tms) or Chartroom Slang on Students Academic Performance", *International Journal of Internet of Things 2012*, Vol. 1 Iss: 2, pp. 1-4. DOI: 10.5923/j.ijit.20120102.01
- Oxford English Dictionary (second edition)*. (1989).United Kingdom: Oxford University Press.
- P.H. Matthews. (2007). *The Concise Oxford Dictionary of Linguistics (2nd edition)*. New York: Oxford University Press.
- Palmer, F. R. (1983). *Semantics (2nd ed.)*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Palmer, F. R. (1989). *Semantik (Terjemahan Abdullah Hassan)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Paramasivam, S. (2000). *Narramil ilakkannam [Tatabahasa Tamil] (6th ed.)*. Chennai: Pattup patippakam.
- Rahmi Marzita, Hermawati Syarif, Havid Ardi (2013). An Analysis of Word Formation Process of English Slang in Teenager Movie Scripts. *E-Journal English Language and Literature*. 2(1): 163-173.
- Ramaa Prasad (1 December 1992). Generation Gap, a Sociological Study of Inter-generational Conflicts. *Mittal Publications*. ISBN 978-81-7099-351-3. Retrieved 7 June 2016.
- Raminah Sabran & Rahim Syan. (1985). *Kajian Bahasa untuk Pelatih Maktab Perguruan*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Ramli Md. Salleh, Sanat Md. Nasir, Noor Ein Haji Mohd. Noor. (1997). *Kamus Linguistik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rendrasari, Retno. (2013). Penggunaan Bahasa Alay di Facebook Siswa Smk Negeri 1 Labuan. *Jurnal Bahasa dan Sastra*, 2(2).
- S. Nathesan. (1 Oktober 2012). Perkamusan dan Perkataan. Majalah atas talian. *Dewan Bahasa*.
- Saeed, John.I. (1997). *Semantics*. Oxford: Blackwell Publishers.

- Salbia Haji Hassan, (2010) Morfologi: Analisis Produktiviti Prefiks Dialek Melayu Sarawak. Conference paper Januari 2010. Dimuat turun dari <https://www.researchgate.net/publication/261760617> pada 6 Mei 2017.
- Samarin, W. J. (1993). *Linguistik Lapangan Panduan Kerja Lapangan Linguistik*. Kamaruzaman Mahayiddin & Zahrah Abd. Ghafar (penterj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sara Hashemi Shahraki, (2011) "Analyzing Slang Usage among Iranoan Male and Female Teenagers", *English Language Teaching*. Vol. 4 Iss. 2. DOI: 10.5539/elt.v4n2p198.
- Searle, John. (1969). *Speech acts: An essay in the philosophy of language*. Cambridge, England: Cambridge University.
- Simpson, I. S. (1979) I. "The United Kingdom", *Journal of Information Science*, 1(1), 49–57. <https://doi.org/10.1177/016555157900100108>
- Sinclair, J (2005). Corpus and Text. *Basic Principles in Developing Linguistic Corpora: a Guide to Good Practice*, ed. M. Wynne. Oxford: Oxbow Books: 1-16. <http://www.ahds.ac.uk/creating/guides/linguistic-corpora/chapter1.htm>
- Siti Ezaleila Mustafa & Azidah Hamzah (2011). Media Baharu yang Baharu: Trend Penggunaan Jaringan Sosial dalam kalangan pengguna di Malaysia. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 13 (2): 93-110.
- Siti Hajar Abdul Aziz (2009). *Siri Pendidikan Guru Bahasa Melayu II*. Selangor Darul Ehsan: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Siti Norsyahida Mohd A Rashid (2015). Penggunaan bahasa dalam laman blog dari aspek morfologi. *Journal of Business and social development*, 3(2): 34-50.
- Soenjono Dardjowidjojo, Anton M Moeliono (1988). *Tata Bahasa Baku Bahasa Indonesia*. Jakarta : Balai Pustaka.
- Spencer, Andrew. (1991). *Morphological Theory: An introduction to Word Structure in Generative Grammar*. Oxford: Basil Blackwell.
- Strauss, A. dan Corbin, J. (1990). *Basics of Qualitative Research: Grounded Theory Procedures And Techniques*. Newbury Park, CA: Sage Publications, Inc.

- Syed Arabi Iddid. (1998) *Kaedah penyelidikan komunikasi dan sains sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Pustaka dan Bahasa.
- Teo Kok Seong (April 1996). Slang: Satu fesyen pertuturan. *Pelita Bahasa*, 8 (4).
- Teoh Jun Yong. (2012). *Penggunaan Bahasa Cina dalam weblog di Malaysia*. (Dissertation (M.M.L.S.)). Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, Malaysia.
- The Longman Dictionary of Contemporary English, New Edition*. (1990). London: Pearson Longman.
- The World Book encyclopedia*. (1990). Chicago: World Book, Inc.
- Ullman, Stephen. (1970). *Semantics: an Introduction to the Science of Meaning*. Oxford: Basil Blackwell.
- Verhaar, J.W.M. (1978). *Pengantar linguistik jilid I*. Yogyakarta : Gadjah Mada University Press.
- Verhaar, J.W.M. (1989). *Pengantar Linguistik*, Yogyakarta: UGM Press.
- White, M.D. and Marsh, E.E. (2006). Content analysis: A flexible methodology. *Library Trends*, 55(1), 22-45.
- William O'Grady. (2016). *Contemporary Linguistics: An Introduction Fourth Edition*. Toronto: Pearson Canada Inc.
- Yule, G. (1985). *Introduction To General Linguistics: The Study Of Language. 3rd Edition*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Yule, G. (1996). *The Study Of Language*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Yule, G. (2006). Words And Word-Formation. The Study Of Language. Diakses dari <http://Englishspecialists.Blogspot.Com/2008/10/Words-And-Word-Formation-Processes.html>.
- Yule, G. (2010). *The Study Of Language*. 4th Edition. Cambridge: Cambridge University Press.
- Zgusta, Ladislav, et al. (1971). *Manual of Lexicography*. Paris: Mouton.

Zuraidah Mohd Sulaiman, Gan Kiat Chien, Eng Sze Boon dan Ahmad Harith Syah Md Yusuf (2012). Proceedings of the 2nd International Conference on Arts, Social Sciences & Technology Penang: *Slanga Remaja Melayu Dan Cina: Analisis Awal Berdasarkan Teori Relevan*. Malaysia. 3rd . – 5th March 2012.

